



# Laporan Tahunan

Bagi tahun kewangan berakhir  
30 November 2025



ASN Imbang 1





## ISI KANDUNGAN

|                                                                                      |           |
|--------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| <b>1. MAKLUMAT DANA</b>                                                              | <b>1</b>  |
| <b>2. PRESTASI DANA</b>                                                              | <b>2</b>  |
| <b>3. LAPORAN PENGURUS</b>                                                           | <b>6</b>  |
| <b>4. PENYATA PENGURUS</b>                                                           | <b>13</b> |
| <b>5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH</b>                                                    | <b>14</b> |
| <b>6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT<br/>ASN IMBANG 1</b>     | <b>15</b> |
| <b>7. PENYATA KEWANGAN</b>                                                           | <b>18</b> |
| 7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tahun Kewangan Berakhir<br>30 November 2025        | 18        |
| 7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Kewangan Berakhir<br>30 November 2025 | 19        |
| 7.3 Penyata Kedudukan Kewangan Pada 30 November 2025                                 | 20        |
| 7.4 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tahun Kewangan Berakhir<br>30 November 2025  | 21        |
| 7.5 Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir<br>30 November 2025            | 22        |
| 7.6 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan - 30 November 2025                          | 23        |
| <b>8. ALAMAT CAWANGAN ASNB</b>                                                       | <b>64</b> |
| <b>9. MAKLUMAT KORPORAT</b>                                                          | <b>66</b> |

**LAPORAN PENGURUS  
ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 1  
(ASN IMBANG 1)**



Pemegang-pemegang unit ASN Imbang 1 yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASN Imbang 1 dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASN Imbang 1 bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2025.

## **1. MAKLUMAT DANA**

### **1.1 KATEGORI / JENIS DANA**

| <b>Nama Dana</b>    | <b>Kategori Dana</b> | <b>Jenis Dana</b> |
|---------------------|----------------------|-------------------|
| <b>ASN Imbang 1</b> | Aset Campuran        | Imbang            |

### **1.2 OBJEKTIF PELABURAN DANA**

Objektif pelaburan ASN Imbang 1 adalah untuk menjana pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang menerusi pelaburan dalam portfolio yang seimbang dan melalui pelaburan semula pengagihan pendapatan, sekiranya ada.

### **1.3 PENANDA ARAS DANA**

ASN Imbang 1 menggunakan penanda aras cipta-suai yang menggabungkan Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 (FBM 100) dan Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan (Maybank 12 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya, seperti berikut:

| <b>Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai</b>                                                          | <b>%</b> |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|
| FBM 100<br><i>Sumber: <a href="http://www.bursamalaysia.com.my">www.bursamalaysia.com.my</a></i>  | 50       |
| Maybank 12 bulan<br><i>Sumber: <a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a></i> | 50       |

### **1.4 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN**

ASN Imbang 1 akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

## 2. PRESTASI DANA

### 2.1 PERUMPUKAN ASET

Perumpukan Aset Bagi ASN Imbang 1 Mengikut Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Dana:

| Sektor                                                             | Pada Tahun Kewangan Berakhir<br>30 November (%) |               |               |
|--------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------|---------------|---------------|
|                                                                    | 2025                                            | 2024          | 2023          |
| <b>Pelaburan di Pasaran Ekuiti:</b>                                |                                                 |               |               |
| Perkhidmatan Komunikasi                                            | 1.77                                            | 2.50          | 2.20          |
| Barangan Bukan Asasi Pengguna                                      | 2.31                                            | 0.68          | 2.93          |
| Barangan Asasi Pengguna                                            | 2.88                                            | 1.09          | 3.02          |
| Tenaga                                                             | 0.80                                            | 0.55          | 2.67          |
| Kewangan                                                           | 14.73                                           | 17.59         | 19.75         |
| Penjagaan Kesihatan                                                | 1.43                                            | 1.86          | 1.80          |
| Perindustrian                                                      | 9.10                                            | 11.99         | 7.01          |
| Teknologi Maklumat                                                 | 7.04                                            | 4.71          | 6.32          |
| Bahan Asas                                                         | 2.98                                            | 1.68          | 2.05          |
| Hartanah                                                           | 4.35                                            | 5.13          | 5.21          |
| Utiliti                                                            | 6.70                                            | 5.11          | 8.60          |
| <b>Jumlah</b>                                                      | <b>54.09</b>                                    | <b>52.89</b>  | <b>61.56</b>  |
| <b>Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:</b>                       |                                                 |               |               |
| a) Pelaburan di dalam Unit Amanah dan Dana Didagangkan Bursa (ETF) | 1.30                                            | 0.23          | 0.25          |
| b) Sekuriti Berpendapatan Tetap                                    | 39.37                                           | 39.69         | 29.58         |
| c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih                             | 5.24                                            | 7.19          | 8.61          |
| <b>Jumlah</b>                                                      | <b>100.00</b>                                   | <b>100.00</b> | <b>100.00</b> |

## 2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Prestasi Maklumat Kewangan:

|                                                   | Tahun Kewangan Berakhir<br>30 November |                 |                 |
|---------------------------------------------------|----------------------------------------|-----------------|-----------------|
|                                                   | 2025                                   | 2024            | 2023            |
| <b>Sebelum Pengagihan Pendapatan</b>              |                                        |                 |                 |
| NAB (RM'000)                                      | 929,881                                | 964,108         | 805,848         |
| NAB Seunit (RM)                                   | 1.1042                                 | 1.1168          | 0.9630          |
| <b>Selepas Pengagihan Pendapatan</b>              |                                        |                 |                 |
| Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)          | 3.58                                   | 4.08            | 3.21            |
| NAB (RM'000)                                      | 899,734                                | 928,975         | 778,986         |
| NAB Seunit (RM)                                   | 1.0684                                 | 1.0761          | 0.9309          |
| NAB Seunit Terendah (RM)                          | 0.9982                                 | 0.9257          | 0.8799          |
| NAB Seunit Tertinggi (RM)                         | 1.1329                                 | 1.1603          | 0.9700          |
| Unit Dalam Edaran ('000)                          | 842,100                                | 863,300         | 836,800         |
| Tarikh Pengagihan Pendapatan                      | 1 Disember 2025                        | 2 Disember 2024 | 1 Disember 2023 |
| Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) <sup>1</sup>   | 1.15                                   | 1.33            | 1.44            |
| Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) <sup>2</sup> | 0.65                                   | 0.87            | 1.16            |
| <b>Pulangan</b>                                   |                                        |                 |                 |
| Pulangan Pendapatan (%) <sup>3</sup>              | 3.35                                   | 3.79            | 3.45            |
| Pulangan Modal (%) <sup>4</sup>                   | -0.72                                  | 15.60           | 5.40            |
| Jumlah Pulangan (%) <sup>5</sup>                  | 2.61                                   | 19.98           | 9.04            |

**Nota:**

1. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN Imbang 1 yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASN Imbang 1 untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPP bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2025 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 30 November 2024 adalah tidak ketara.
2. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASN Imbang 1 untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPGP bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2025 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 30 November 2024 adalah tidak ketara.
3. Pulangan Pendapatan (%):  $\left[ \frac{\text{Pengagihan Pendapatan Seunit}}{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}} \right] \times 100$
4. Pulangan Modal (%):  $\left[ \left( \frac{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}}{\text{NAB Seunit Awal Tahun Kewangan}} \right) - 1 \right] \times 100$
5. Jumlah Pulangan (%):  $\left[ \left( 1 + \frac{\text{Pulangan Modal}}{100} \right) \times \left( 1 + \frac{\text{Pulangan Pendapatan}}{100} \right) - 1 \right] \times 100$

### 2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2025, ASN Imbang 1 telah memperuntukkan sejumlah RM30,147,180 untuk pembayaran pengagihan pendapatan bersamaan dengan 3.58 sen seunit.

### 2.4 JUMLAH PULANGAN TAHUNAN

Pulangan tahunan bagi ASN Imbang 1 adalah seperti berikut:

|                                   | 30 November 2025 |         |         |
|-----------------------------------|------------------|---------|---------|
|                                   | 1 tahun          | 3 tahun | 5 tahun |
| Pulangan Tahunan (%) <sup>1</sup> | 2.61             | 10.31   | 6.45    |
| Penanda Aras (%)                  | 0.82             | 3.51    | 1.85    |

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

***Nota:***

1. Pengiraan pulangan tahunan adalah seperti berikut:-

$$= \left[ \left[ (1 + r_1) \times (1 + r_2) \times \dots \times (1 + r_n) \right]^{\frac{1}{n}} - 1 \right] \times 100$$

Di mana,  $r$  = pulangan tahunan;  $n$  = bilangan tahun.

### 2.5 PERBANDINGAN PRESTASI DANA DENGAN PENANDA ARAS


Prestasi bagi ASN Imbang 1 berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:

|                     | Tahun Kewangan Berakhir 30 November |       |      |       |       |
|---------------------|-------------------------------------|-------|------|-------|-------|
|                     | 2025                                | 2024  | 2023 | 2022  | 2021  |
| Jumlah Pulangan (%) | 2.61                                | 19.98 | 9.04 | -4.28 | 6.38  |
| Penanda Aras (%)    | 0.82                                | 8.18  | 1.70 | -0.64 | -0.45 |

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Berbanding dengan tahun kewangan berakhir 30 November 2024, prestasi ASN Imbang 1 lebih rendah pada tahun kewangan berakhir 30 November 2025 ekoran pulangan pasaran ekuiti yang lebih rendah dan tahap kemeruapan yang lebih tinggi.

Prestasi ASN Imbang 1 adalah lebih baik berbanding penanda aras, bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2025. Prestasi ini disokong oleh prestasi pasaran domestik bon yang memberangsangkan dan peningkatan dalam pelaburan antarabangsa bon turut menyumbang kepada pencapaian ini secara keseluruhannya. Pelaburan ASN Imbang 1 juga tertumpu kepada sektor-sektor ekuiti domestik seperti sektor Pembinaan, sektor Perladangan dan sektor Hartanah. ASN Imbang 1 turut melakukan aktiviti jual beli secara taktikal dalam pasaran ekuiti antarabangsa yang menyumbang kepada prestasi positif.



Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan dan harga unit jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi Dana masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

## 2.6 ANALISIS NILAI ASET BERSIH (NAB) DANA

ASN Imbang 1 telah mencatatkan penurunan NAB sebanyak 3.15% daripada RM0.9290 bilion kepada RM0.8997 bilion bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2025. NAB seunit pula mencatatkan penurunan sebanyak 0.72% daripada RM1.0761 kepada RM1.0684 bagi tempoh yang sama.

## 2.7 PERUBAHAN SIGNIFIKAN DANA

Tiada perubahan signifikan sepanjang tahun kewangan berakhir 30 November 2025.

## 2.8 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASN Imbang 1 tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

## 2.9 DAGANGAN SILANG

Sepanjang dalam tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASN Imbang 1. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis Panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

## 2.10 KOMISEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan dana unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.



### 3. LAPORAN PENGURUS

#### 3.1 PENCAPAIAN OBJEKTIF

ASN Imbang 1 ("Dana") telah berupaya mencapai objektif pelaburan untuk menyediakan peluang aliran tunai dan pendapatan yang berterusan dengan potensi pertumbuhan dalam jangka masa panjang kepada pemegang-pemegang unit untuk tahun kewangan berakhir 30 November 2025.

#### 3.2 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan Dana adalah untuk melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan, terutamanya sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang, seperti yang dibenarkan dalam Surat Ikatan Dana.

Dana boleh melaburkan 35% sehingga 65% daripada Nilai Aset Bersih ("NAB") dalam ekuiti dan bakinya dalam lain-lain instrumen pasaran modal. Walau bagaimanapun, Dana boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran.

#### 3.3 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2025, strategi pelaburan Dana telah dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor ekonomi dan prestasi pasaran modal domestik dan antarabangsa. Perumpukan aset dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor ekonomi tempatan dan ekonomi antarabangsa, kadar pulangan sekuriti berpendapatan tetap serta kadar pulangan pasaran saham bagi memastikan objektif Dana tercapai. Dana telah mengekalkan secara purata perumpukan aset pada julat 35%-45% dalam sekuriti berpendapatan tetap dan selebihnya dalam pegangan tunai. Dana juga aktif dalam aktiviti pelaburan ekuiti pada julat 45%-55%, berbanding dengan penanda aras iaitu 50% ekuiti : 50% tunai.

##### i. Ekuiti

Pelaburan Dana dalam ekuiti dilaksanakan secara selektif, dengan tumpuan kepada sektor-sektor dan syarikat-syarikat yang memiliki asas yang kukuh, prospek perniagaan yang stabil, serta berdaya tahan terhadap ketidaktentuan ekonomi dan pasaran saham, baik di peringkat domestik mahupun di peringkat antarabangsa. Di samping itu, pelaburan ekuiti turut menyasarkan saham-saham yang menawarkan pulangan dividen yang kompetitif dan konsisten, serta sektor-sektor yang dijangka mencatat pertumbuhan positif dalam jangka masa panjang. Pada masa yang sama, Dana juga akan terus mengambil keuntungan daripada saham-saham yang telah mencapai harga sasaran, terutamanya pada kadar kemerupaan yang tinggi bagi pasaran saham domestik dan pasaran saham antarabangsa.

##### a. Domestik

Pelaburan Dana tertumpu kepada sektor-sektor yang mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi negara yang berterusan. Antara sektor utama yang menjadi tumpuan adalah sektor Kewangan, yang menyaksikan peningkatan dalam aktiviti pinjaman dan pembiayaan. Pelaburan dalam sektor ini turut membolehkan Dana meraih pulangan dividen yang kompetitif dan stabil. Pelaburan Dana juga telah dibuat dalam sektor

Pembinaan dan sektor Hartanah, iaitu sektor-sektor yang mendapat manfaat daripada pencergasan semula ekonomi di Johor, yang dipacu oleh pembinaan pusat data serta peningkatan permintaan tenaga dan elektrik untuk menyokong infrastruktur tersebut. Tambahan pula, sektor Pembinaan juga semakin meningkat sepanjang tahun kewangan berikutan pelancaran projek Light Rapid Transit ("LRT") Mutiara Line di Pulau Pinang dan kelulusan rasmi bagi projek Mass Rapid Transit ("MRT") di Lembah Klang. Pelaburan ini turut disokong oleh kesan positif daripada polisi kerajaan seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 ("New Industrial Master Plan 2030, NIMP 2030").

Di samping itu, Dana turut melabur dalam sektor Perladangan yang memperoleh manfaat daripada peningkatan harga minyak sawit mentah di peringkat global, susulan inisiatif kerajaan Indonesia untuk meningkatkan kandungan biodiesel kepada 50% dalam bahan api diesel. Selain itu, sektor Perladangan juga berpotensi menjana pulangan lebih tinggi daripada kenaikan nilai tanah sedia ada melalui penyewaan atau penjualan tanah bagi pembangunan pusat data dan ladang solar.

## **b. Antarabangsa**

Dalam memastikan pulangan yang kompetitif, Dana telah melabur dalam pasaran ekuiti antarabangsa yang dipelbagaikan ke beberapa pasaran utama dunia seperti pasaran saham di Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah ("European Union, EU") dan juga Asia Pasifik. Pelaburan antarabangsa Dana telah tertumpu di dalam sektor Teknologi Maklumat terutamanya dalam syarikat-syarikat berkaitan Kecerdasan Buatan ("Artificial Intelligence, AI") di Taiwan dan Korea Selatan. Di samping itu, Dana turut meningkatkan pelaburan secara agresif di China, terutamanya dalam sektor Barangan Bukan Asasi Pengguna dan sektor Teknologi Maklumat.

## **ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang**

Bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2025, strategi pelaburan Dana telah dilaksanakan dengan mempelbagaikan pelaburan melalui sekuriti berpendapatan tetap yang memberi pulangan yang bersesuaian dengan risiko kredit setiap terbitan.

Pelaburan Dana tertumpu kepada sukuk korporat yang menjana kupon yang lebih kompetitif dalam usaha untuk memberikan pendapatan yang berdaya saing kepada Dana. Pelaburan tambahan telah dilakukan dalam sektor Kewangan, sektor Perindustrian dan sektor Hartanah yang mempunyai tempoh matang antara tiga (3) tahun sehingga sepuluh (10) tahun. Sektor-sektor ini telah mencatatkan prestasi kewangan yang memberangsangkan dan masih menawarkan kredit terbitan yang tinggi.

Pada masa yang sama, pelaburan secara taktikal turut dilakukan di dalam sekuriti hutang kerajaan Malaysia seperti Malaysian Government Securities ("MGS") dan Government Investment Issues ("GII"). Strategi pelaburan dalam sekuriti kerajaan ini adalah lebih kepada penjaan keuntungan daripada aktiviti jual beli, memandangkan bon terbitan kerajaan Malaysia dijangka meraih manfaat daripada kenaikan harga. Kenaikan ini disokong oleh penurunan kadar faedah oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") pada bulan Julai yang lalu, di samping jangkaan penurunan kadar faedah oleh Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat ("Federal Reserve Board") serta bank-bank pusat lain, yang mendorong aliran dan pelaburan beralih dari pasaran maju ke pasaran negara membangun.

Selain sekuriti berpendapatan tetap kerajaan Malaysia, Dana turut meningkatkan pelaburan di dalam pasaran sekuriti berpendapatan tetap antarabangsa bagi menjana pulangan yang kompetitif. Antara pelaburan tersebut termasuk bon kerajaan Australia dalam mata wang Australian Dollar ("AUD"), United Kingdom dalam mata wang Great Britain Pound ("GBP") serta Arab Saudi dalam mata wang US Dollar ("USD"). Di samping itu, Dana turut melabur dalam bon korporat yang bertaraf gred pelaburan dari Amerika Syarikat, Emiriah Arab Bersatu, Qatar dan Arab Saudi, masing-masing dalam mata wang USD, dengan tujuan membina portfolio teras yang mampu menawarkan kadar hasil lebih tinggi. Purata kadar hasil bagi bon antarabangsa adalah 4.71%, berbanding purata kadar hasil bagi bon tempatan sebanyak 4.09%.

Pelaburan Dana juga dibuat dalam pasaran mata wang bagi memastikan Dana memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham tempatan dan saham antarabangsa pada masa yang bersesuaian, seiring dengan perumpukan aset aktif.

### 3.4 ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2025, ekonomi global terus berdepan dengan keadaan yang mencabar. Laporan Pekerjaan Jabatan Buruh Amerika Syarikat menunjukkan kehilangan pekerjaan pada bulan Jun 2025 buat kali pertama dalam tempoh empat tahun setengah, sekali gus telah menimbulkan kebimbangan terhadap situasi ekonomi negara tersebut. Ketidaktentuan pasaran akibat perubahan polisi Amerika Syarikat juga meningkat susulan pelaksanaan perang tarif, pengetatan dasar imigresen, dan langkah pemecatan secara besar-besaran terhadap penjawat awam oleh Presiden Donald Trump.

Bagi tempoh kewangan dari 30 November 2024 sehingga 31 Mac 2025, indeks komposit utama antarabangsa seperti MSCI All Country World Islamic Index ("MSCI ACWII") menurun sebanyak -4.1%. Penurunan ini susulan tindakan Presiden Joe Biden mengehendakan eksport cip berkemajuan tinggi ke negara bukan sekutu seperti China. Pasaran juga digemparkan dengan pelancaran aplikasi 'DeepSeek' oleh China dan pengumuman awal polisi tarif oleh Presiden Donald Trump. Secara keseluruhan, insiden-insiden ini telah meningkatkan kadar ketidaktentuan pasaran dan mendorong kepada strategi 'risk-off' oleh kebanyakan pelabur. MSCI ACWII telah menyusut dengan lebih teruk selepas Presiden Donald Trump mengumumkan perlaksanaan tarif baharu terhadap 180 buah negara pada 2 April 2025. Namun, pasaran pulih dengan ketara selepas Presiden Donald Trump menangguhkan tarif dan menyatakan kesediaan berunding pada 8 April 2025.

Susulan itu, MSCI ACWII secara keseluruhan mencatatkan peningkatan sebanyak +14.4% sepanjang tempoh tinjauan. Pemulihan ini telah didorong oleh prestasi pasaran Amerika Syarikat (S&P 500 dan NASDAQ) yang meningkat masing-masing sebanyak +13.5% dan +21.6%, dipacu oleh perbelanjaan modal dalam infrastruktur AI. Pada masa yang sama, Eropah (STOXX 50) telah meningkat sebanyak +18.0%, dipacu oleh rangsangan fiskal Jerman dan penstabilan situasi di Ukraine.

Bagi pasaran saham di rantau Asia Pasifik seperti pasaran Korea (KOSPI, +59.9%) dan pasaran Taiwan (TAIEX, +24.1%), masing-masing mencatatkan pengukuhan ketara, didorong oleh sentimen positif sektor AI serta aliran masuk dana asing susulan penyusutan nilai mata wang USD. Pasaran China (HSCEI, +31.4%) turut merekodkan trajektori menaik hasil daripada langkah

rangsangan ekonomi dan kemajuan pembangunan AI oleh syarikat teknologi seperti Alibaba dan DeepSeek. Di rantau ASEAN, Singapura menerajui pertumbuhan (STI, +21.0%), diikuti oleh Indonesia (JCI, +19.6%). Sebaliknya, pasaran Thailand (SET, -12.0%) mengalami tekanan penyusutan akibat ketidaktentuan persekitaran politik dan ekonomi.

Bagi pasaran saham tempatan, penanda aras utama iaitu FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index ("FBM KLCI"), telah mencatatkan sedikit kenaikan +0.6% kepada 1,604.47 mata berbanding tahun sebelumnya. Paras tertinggi dicatatkan pada 31 Disember 2024 dengan 1,642.3 mata, manakala paras terendah pada 8 April 2025 dengan 1,400.59 mata. Penurunan paras indeks dari paras tertinggi ini adalah disebabkan oleh faktor luaran berikutan pengetatan sekatan eksport cip dan pengumuman kenaikan tarif eksport oleh Amerika Syarikat. Ini telah menyebabkan kebimbangan di kalangan para pelabur kerana dijangka memberi kesan kepada rantaian bekalan global, dan menyekat perkembangan pembangunan pusat data serta potensi eksport negara. Antara sektor-sektor yang mencatat penurunan adalah sektor Penjagaan Kesihatan (-30.0%) dan sektor Telekomunikasi (-11.1%). Manakala sektor-sektor yang mencatatkan kenaikan positif adalah sektor Amanah Pelaburan Hartanah ("Real Estate Investment Trusts, REITs") (+9.7%) dan sektor Perladangan (+7.2%). Antara saham-saham FBM KLCI yang mencatatkan penurunan ketara dalam tempoh tinjauan adalah Petronas Chemicals (-34.7%) dan CIMB Group (-2.1%), manakala Press Metal (+46.7%) dan Telekom Malaysia (+22.1%) telah menunjukkan peningkatan yang ketara.

Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") Malaysia telah berkembang sebanyak 5.2% pada suku ketiga tahun 2025, menjadikan pertumbuhan yang kukuh bagi sembilan (9) bulan pertama tahun 2025 iaitu sebanyak 4.7%, selari dengan unjuran yang dibuat oleh Kementerian Kewangan Malaysia ("Ministry of Finance, MOF"). Pertumbuhan ini dipacu oleh pelaburan yang kukuh, pemulihan eksport barangan dan perkhidmatan, serta peningkatan perbelanjaan isi rumah dan aktiviti pelaburan swasta yang lebih giat.

### **3.5 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN**

Bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2025, Malaysia telah menunjukkan daya tahan yang baik terhadap ketidaktentuan ekonomi global dengan KDNK mencatatkan peningkatan sebanyak 5.2% pada suku ketiga tahun 2025, berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

Federal Reserve Board dan Bank Pusat England ("Bank of England") telah menurunkan kadar faedah dasar masing-masing sebanyak 75 mata asas kepada 4.00%. Di samping itu Bank Pusat Eropah ("European Central Bank") juga telah menurunkan kadar operasi pembiayaan semula sebanyak 125 mata asas kepada 2.15% berbanding 3.40% yang dicatatkan pada awal tahun kewangan.

Kadar hasil bon perbendaharaan 10-tahun Amerika Syarikat ("10-year US Treasury") telah menurun sebanyak 15 mata asas, daripada 4.17% pada awal tahun kewangan kepada 4.02% pada hujung bulan November 2025. Penurunan ini didorong oleh kebimbangan pasaran global terhadap peningkatan kadar pengangguran di Amerika Syarikat ke paras tertinggi dalam hampir empat (4) tahun, iaitu pada aras 4.4%, yang menimbulkan risiko kemelesetan ekonomi dan menyebabkan pelabur mengalihkan tumpuan kepada aset yang kurang terjejas oleh kemelesetan

ekonomi. Ahli ekonomi pula meramalkan pemotongan kadar faedah daripada Federal Reserve Board akan berlanjutan pada tahun 2026.

Berikutan ketidakstabilan ekonomi global, BNM telah menurunkan Kadar Dasar Semalaman ("Overnight Policy Rate, OPR") daripada 3.00% kepada aras 2.75%, pada bulan Julai 2025 bagi mengekalkan persekitaran akomodatif terhadap pertumbuhan ekonomi tempatan. Sepanjang tempoh tinjauan, kadar purata simpanan tetap Maybank 12 bulan telah menurun sebanyak 37 mata asas, daripada 2.74% kepada 2.37%.

Pasaran sekuriti berpendapatan tetap di Malaysia telah menunjukkan prestasi yang kukuh pada dengan menjana jumlah pulangan tahun-ke-tarikh ("Year-To-Date, YTD") pada 30 November 2025 sebanyak 5.5%, melebihi purata jangka panjang sebanyak 4.00%-4.25%. Pecahan pulangan ialah 1.8% daripada hasil keuntungan harga dan 3.7% daripada kupon. Peningkatan permintaan terhadap sekuriti berpendapatan tetap Malaysia mencerminkan kebimbangan pelabur tempatan dan pelabur asing terhadap ketidakpastian dasar monetari Federal Reserve Board.

Dari segi pasaran mata wang setakat 30 November 2025, nilai mata wang Ringgit Malaysia telah ditutup pada paras RM4.1328 berbanding nilai mata wang USD. Nilai mata wang Ringgit Malaysia mencatatkan kenaikan yang ketara daripada paras terendah RM4.5107/USD yang dicatatkan pada awal tahun kewangan. Pengukuhan Ringgit Malaysia ini berlaku dalam persekitaran ekonomi Malaysia yang berdaya tahan di dalam ketidaktentuan ekonomi global, serta jurang kadar faedah antara dua negara yang lebih kecil.

### 3.6 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2026, pasaran modal domestik dan global dijangka kekal mencabar susulan pertumbuhan ekonomi perlahan dan pelaksanaan tarif perdagangan timbal balas oleh Amerika Syarikat yang berkuat kuasa pada suku keempat tahun 2025. Tabung Kewangan Antarabangsa ("International Monetary Fund, IMF") telah mengunjurkan pertumbuhan ekonomi dunia pada kadar 3.2% bagi tahun 2025 dan menurun sedikit pada kadar 3.1% bagi tahun 2026, bergantung kepada dasar monetari dan impak tarif perdagangan timbal balas tersebut.

Pertumbuhan global dijangka kekal stabil walaupun berada sedikit di bawah purata pra-pandemik (3.8%) akibat kesan legasi kadar faedah yang tinggi di Amerika Syarikat dan EU. Walau bagaimanapun, langkah penurunan kadar faedah oleh Federal Reserve Board, Bank of England dan European Central Bank dijangka bakal menyokong momentum pemulihan ekonomi. Risiko kemelesetan menjelang awal tahun 2026 juga dilihat semakin terkawal, seiring dengan sentimen pasaran yang lebih stabil berbanding kebimbangan awal terhadap dasar perdagangan Amerika Syarikat.

Persekitaran geopolitik mencatatkan perkembangan positif dengan meredanya ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China, serta genjatan senjata sementara di Timur Tengah. Walaupun masih terdapat pelarasan dalam rantaian bekalan global, prospek pasaran secara keseluruhannya kekal optimis, dipacu oleh gelombang inovasi AI dan peningkatan perbelanjaan modal teknologi secara meluas. Keyakinan pelabur terhadap China juga kembali pulih, didorong oleh trajektori pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh serta kejayaan sektor teknologi tempatan.

Di peringkat domestik, nilai mata wang Ringgit Malaysia dijangka akan terus mengukuh berbanding nilai mata wang USD, dipacu oleh asas ekonomi Malaysia yang berdaya tahan serta jurang kadar faedah yang dijangka mengecil berdasarkan jangkaan pemotongan kadar faedah oleh Federal Reserve Board sebanyak satu atau dua kali sebelum separuh kedua tahun 2026, manakala BNM dijangka mengekalkan OPR pada aras 2.75%.

Strategi pelaburan Dana akan kekal berhemat dan proaktif dengan memantau pasaran bagi memastikan strategi yang bersesuaian dapat diambil bagi memperolehi pulangan yang kompetitif. Fokus utama adalah kepelbagaian aset merangkumi ekuiti domestik dan ekuiti antarabangsa, sekuriti berpendapatan tetap, serta pasaran wang. Posisi taktikal akan diambil untuk memanfaatkan kemeruapan pasaran, sambil mengekalkan pegangan aset berisiko rendah sebagai perlindungan.

#### **i. Ekuiti**

##### **a. Domestik**

Strategi pelaburan ekuiti domestik Dana akan ditumpukan kepada sektor-sektor berdaya saing yang disokong oleh asas perniagaan yang kukuh dan potensi pulangan dividen yang mampan. Pendekatan ini dirancang bagi memanfaatkan inisiatif strategik kerajaan dan aliran masuk pelaburan asing, meskipun berdepan cabaran pelaksanaan tarif perdagangan timbal balas oleh Amerika Syarikat. Pelaburan akan dilaksanakan secara selektif dan taktikal bagi memastikan ketahanan portfolio dalam mengharungi persekitaran ekonomi yang mencabar.

Seterusnya, strategi pelaburan akan diperkukuh melalui pendedahan dalam sektor Perladangan yang dijangka meraih manfaat daripada peningkatan harga minyak sawit mentah, susulan pelaksanaan inisiatif biodiesel B50 oleh Indonesia yang bakal menghadkan bekalan global. Di samping itu, Dana turut melihat potensi nilai tambah yang ketara dalam sektor Hartanah dan syarikat perladangan yang memiliki simpanan tanah strategik. Sektor-sektor ini berpotensi menjana pulangan yang lebih tinggi daripada kenaikan nilai tanah sedia ada bagi tujuan pembangunan infrastruktur baharu seperti pusat data dan ladang solar, didorong oleh permintaan pelaburan asing yang kukuh.

Sektor Kewangan dijangka kekal berdaya saing dengan penawaran hasil dividen yang menarik, disokong oleh permintaan domestik yang stabil dan sentimen pelaburan asing, walaupun berdepan potensi tekanan inflasi yang boleh mempengaruhi pertumbuhan. Sebagai langkah pengimbang risiko, Dana akan mengekalkan pendedahan dalam sektor REITs dan sektor Penjagaan Kesihatan yang berfungsi sebagai pegangan defensif, serta menawarkan kestabilan pendapatan dalam menghadapi ketidakpastian pasaran.

##### **b. Antarabangsa**

Pelaburan antarabangsa akan dilakukan secara selektif, setelah membuat pertimbangan mengenai perkembangan makroekonomi dunia, risiko geopolitik dan aliran dagangan sedunia. Pelaburan antarabangsa akan ditumpukan kepada sektor-sektor yang mempunyai prospek perniagaan yang cerah dan kadar pertumbuhan pendapatan yang baik, serta sektor-sektor yang kurang terkesan oleh perang dagangan. Dana akan terus melabur secara taktikal dalam sektor Teknologi Maklumat di Amerika Syarikat, China, Korea dan Taiwan, berikutan permintaan produk-produk semikonduktor yang masih berkembang.

Selain itu, Dana juga akan melabur dalam sektor-sektor dan syarikat-syarikat yang bersifat defensif seperti sektor Telekomunikasi, sektor Penjagaan Kesihatan dan sektor Barangan Asasi Pengguna, disokong oleh keperluan asasi penduduk dunia tanpa mengira keadaan ekonomi semasa.

## **ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang**

Dana akan meningkatkan pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap bagi memperoleh kadar pendapatan kupon yang stabil di samping dapat mengurangkan risiko portfolio dan menstabilkan NAB Dana. Bagi jangka masa panjang, pelaburan akan tertumpu pada bon korporat dalam pasaran domestik dan pasaran antarabangsa yang menjana kupon yang lebih tinggi, dengan menyasarkan syarikat-syarikat yang mempunyai asas kewangan yang kukuh dan stabil dalam usaha memberikan pendapatan yang kompetitif kepada Dana.

Bagi pasaran bon domestik, strategi Dana adalah untuk memperdagangkan MGS dan GII bagi menjana pendapatan tambahan, manakala bagi korporat domestik, Dana akan mengambil pendekatan selektif dengan membeli dan memegang bon yang memberikan kupon dan kadar hasil yang stabil dan menarik.

Sementara itu, Dana akan terus meningkatkan pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap antarabangsa, berikutan tawaran kadar hasil yang lebih kompetitif dalam persekitaran kadar polisi semasa yang masih tinggi. Dana juga dapat mempelbagaikan pelaburan merentasi geografi, sektor dan penerbit, sekali gus mengurangkan risiko penumpuan dan pergantungan kepada makroekonomi domestik. Bagi menaikkan kadar hasil portfolio teras, Pengurus Pelaburan akan mencari peluang menambah pelaburan dalam pasaran sekuriti negara-negara di Timur Tengah yang mempunyai penarafan antarabangsa yang stabil dan kadar hasil yang lebih tinggi daripada bon tempatan.

Selain itu, pelaburan akan juga tertumpu kepada pasaran dengan penarafan kredit kukuh seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia serta pasaran lain yang berpenarafan tinggi dan mempunyai prospek makroekonomi yang kukuh. Di samping itu, pelaburan di pasaran wang akan dikekalkan bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk memasuki pasaran saham tempatan dan saham antarabangsa pada masa yang bersesuaian. Untuk keperluan kecairan, pelaburan pasaran wang akan diletakkan dalam deposit jangka pendek. Dana juga mungkin mengambil posisi defensif dengan meningkatkan pelaburan dalam pasaran wang jika berlaku perubahan negatif yang ketara kepada ekonomi dan juga pasaran modal.

#### 4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

##### **ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 1**

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 1 ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2025, berserta dengan nota-nota yang dikepikan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 November 2025, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada Unit Amanah, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 8 Januari 2026.

**RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN**

**RAJA TUN UDA**

Pengerusi

**DATO' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD**

Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia  
8 Januari 2026



## 5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-pemegang Unit **ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 1** ("Dana")

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Dana bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2025, dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pertanyaan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah melaksana dan mengurus Dana dalam tahun penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Dana Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Kami juga berpendapat bahawa pengagihan pendapatan Dana adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan Dana.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

**ZAINUDIN BIN SUHAIMI**

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia  
8 Januari 2026

## 6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN IMBANG 1

### Laporan Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 1 ("Unit Amanah"), yang mengandungi penyata untung atau rugi pada 30 November 2025, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 18 sehingga 63.

Pada pendapat kami, penyata kewangan bagi Unit Amanah tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRS) bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 November 2025 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

### Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dikehendaki dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen "Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

### Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

### Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan tahunan ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

## **Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan**

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRS). Pengurus juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

Dalam menyediakan penyata kewangan Unit Amanah, Pengurus adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Unit Amanah untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika para Pengarah berhasrat untuk membubarkan Unit Amanah atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk mengawasi proses pelaporan kewangan Unit Amanah. Pemegang Amanah juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pengurus menyimpan perakaunan yang betul dan rekod lain yang diperlukan untuk membolehkan penyampaian penyata kewangan ini benar dan saksama.

## **Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Unit Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

